

16/12/2003

KLB agresif teroka peluang di Thai

KONSORTIUM Logistik Bhd (KLB) akan lebih agresif dalam usaha mencari peluang untuk memperluaskan perniagaan logistik automotifnya ke Thailand tahun depan.

"Kami menerokanya sejak setahun lalu. Kami sudah mengenal pasti pihak untuk dihubungi di sana dan akan mengorak langkah bagi mendapatkan beberapa peluang perniagaan pada 2004," kata Pengerusi Eksekutif dan Presidennya, Mirzan Mahathir, pada sidang media yang diadakan selepas mesyuarat agung luar biasa syarikat itu.

Katanya, KLB berhasrat menceburi pasaran logistik automotif Thailand dengan rakan kongsi.

Mirzan berkata, syarikat sudah mempunyai cawangan di Thailand.

"Saya rasa kita ada sesuatu untuk ditawarkan kepada pasaran Thailand," katanya, sambil menegaskan hakikat bahawa syarikat itu mempunyai pengalaman melalui penyediaan perkhidmatan demikian kepada Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua).

Proton dan Perodua menyumbang lebih 70 peratus daripada perniagaan logistik automotif kumpulan itu pada 2002.

Menyentuh mengenai penyusutan jualan kereta oleh Proton tahun ini, Mirzan berkata, walaupun ia menjadi satu cabaran kepada kumpulan itu tahun ini, ia tidak menjejaskan perniagaan logistik automotif kumpulan itu dengan teruk kerana permintaan bagi perkhidmatan itu daripada Perodua masih `bertahan'.

Mirzan berkata, 2003 adalah tahun sukar bagi KLB disebabkan oleh ketidakpastian dalam persekitaran perniagaan berikutan pelbagai peristiwa seperti perang Iraq dan wabak SARS, walaupun ekonomi Amerika Syarikat (AS) mulai pulih dalam suku ketiga.

Katanya, KLB juga turut merasakan sedikit keperitan kemerosotan ketara industri pengangkutan kontena di tengah-tengah proses penggabungan.

Bagaimanapun, kumpulan itu kini hampir selesai dalam proses pembelian aset dan tanggungan daripada Diperdana Holdings Bhd dengan harga RM80 juta dan menambah kepentingannya dalam KP Asia Auto Logistics Sdn Bhd kepada 100 peratus dengan membeli baki 49 peratus dengan harga RM12.667 juta, semuanya akan dibayar melalui penerbitan saham KLB berharga RM1.60 setiap satu.

Menurut Mirzan, pembelian kepentingan dalam KP Asia Auto itu akan selesai dalam bulan ini, manakala pembelian aset dan perniagaan Diperdana akan selesai Januari depan.

Kesan perang harga dalam industri yang bermula tahun lalu dan berterusan sepanjang tahun ini, kini dirasakan oleh industri, katanya, sambil menambah tahun ini adalah tahun muram.